

21 SEP 1998

PERSIDANGAN-HARTANAH

PASARAN HARTANAH DIJANGKA AMBIL MASA DUA TAHUN UNTUK PULIH

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Pasaran hartanah mungkin mengambil masa kira-kira dua tahun untuk pulih daripada kejatuhan ketika ini berikutan lebih bekalan, kata pengarah urusan C H William Talhar & Wong Sdn Bhd, John Loh.

Beliau berkata langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan seperti mengurangkan kadar faedah dan menstabilkan ringgit berada di arah yang positif.

Beliau juga menyambut baik langkah-langkah meningkatkan had tertinggi kepada RM250,000 daripada RM150,000 bagi pembelian hartanah perumahan yang dikecualikan daripada had 20 peratus bagi pinjaman bank kepada pasaran hartanah.

Loh melihat lebih banyak pemilik hartanah meningkatkan taraf (hartanah mereka) berikutan langkah-langkah itu dan oleh itu ia merangsangkan kegiatan dalam pasaran sekunder.

Beliau berkata demikian di taklimat media mengenai Persidangan Sosial Hartanah Tulen Antarabangsa (IREC) `99 yang akan diadakan di sini dari 26 hingga 31 Januari.

Di persidangan itu, pemaju hartanah di negara ini berpeluang untuk mempamerkan produk mereka dan mendapatkan idea-idea daripada cendekiawan mengenai bagaimana untuk menangani keadaan lebih bekalan dalam sektor berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dijemput untuk merasmikan majlis itu, kata Loh, yang juga Pengerusi Program itu.

Beliau berkata persidangan itu telah menjemput pakar-pakar untuk melihat sendiri peluang-peluang bagi pelaburan di Malaysia dan membincangkan mengenai isu-isu berkaitan "Pelaburan Hartanah Tulen Ke Arah Alaf Akan Datang".

Persidangan itu membuka peluang-peluang pelaburan jangka panjang oleh pelabur-pelabur luar negara dalam pasaran hartanah tempatan.

Loh berkata berikutan laporan negatif mengenai kesan kegawatan matawang sejak beberapa bulan ini yang menjejaskan rantau dan negara, ramai yang menjauhkan diri dari rantau ini, dan persidangan seumpama ini akan membolehkan mereka melihat sendiri peluang-peluang yang disediakan.

Beliau berkata 400 perwakilan dijangka menghadiri persidangan itu dengan separuh daripadanya adalah daripada luar negara.

Peserta-peserta dari negara-negara Asean, Jepun, China, Taiwan, Hong Kong, Korea Selatan, Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Jerman, Belanda, Sweden, Turki dan Australia, telah mengesahkan penyertaan mereka.

-- BERNAMA

MSL ZK JR